

**Parlimen: Lebih Empat Juta Kunjungi Klinik 1Malaysia
Bernama
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Klinik 1Malaysia mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan rakyat apabila lebih empat juta menggunakan khidmatnya sehingga 17 April lepas, persidangan Dewan Negara diberitahu pada Rabu.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata jumlah pesakit yang mendapat rawatan di Klinik 1Malaysia tahun lepas meningkat kepada 1.98 juta orang berbanding 1.32 juta orang pada 2010.

"Sehingga 8 April lepas terdapat 100 Klinik 1Malaysia beroperasi di seluruh negara yang fokus dalam memberi rawatan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

"Klinik 1Malaysia dibina di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi," katanya menjawab pertanyaan Senator S Bagiam Ayem Perumal yang bertanya tentang bilangan dan pencapaian Klinik 1Malaysia serta kawasan fokus penubuhannya.

Menjawab soalan lain S Bagiam, Rosnah berkata bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Klinik 1Malaysia, Kementerian Kesihatan telah menempatkan Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia yang menerima lebih 100 pesakit sehari.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664710>